

# 2 pelajar kita juara musabaqah di Brunei

**Bandar Baru Nilai:** Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) muncul juara Musabaqah Menghafaz al-Quran serta Pemahamannya di Brunei, Jumaat lalu.

Pelajar kursus Prauniversiti/Matrikulasi Tamhidi Sains dan Teknologi USIM, Putri Nur Nadia Bakri, 18, menjuarai kategori Menghafaz Juzuk 10 al-Quran dan Pemahaman Juzuk Tujuh.

Pelajar Darul Quran, Fariyah Zulkifli, 20, pula juara kategori Menghafaz Juzuk 30 dan Pemahaman Juzuk 20.

Putri Nur Nadia dan Fariyah yang mengharumkan nama negara pada pertandingan peringkat negara anggota Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS), masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM11,272 dan RM19,726, piala serta sijil penghargaan.

## Saingan hebat

Majlis penyampaian hadiah di-sempurnakan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkhiah pada majlis sambutan Nuzul al-Quran peringkat negara itu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sementara itu, Putri Nur Nadia yang kali pertama mewakili negara, bersyukur dengan kejayaan itu selepas melalui saingan hebat peserta negara lain.

"Alhamdulillah, kejayaan ini sangat menggembirakan walaupun tujuan utama saya menghafaz al-Quran sejak Tingkatan Satu bukan untuk menyertai pertandingan.

"Petua yang saya menjaga hafazan ialah sentiasa konsisten mengulang hafalan dan ikhlas membaca al-Quran," katanya.

Putri Nur Nadia menjuarai pertandingan hafazan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-36 dalam kategori 1-20 juzuk, Mac lalu.



Putri Nur Nadia (dua dari kanan) **memegang piala dan wang tunai** bersama delegasi Malaysia ke Brunei di Brunei Darussalam, Jumaat lalu.

[FOTO IHSAN USIM]